



## NOTIS MAKLUMAN

### PENUTUPAN PENGAJIAN PEKERJA ASING DAN PENAMATAN PAS LAWATAN KERJA SEMENTARA SECARA BERPERINGKAT BAGI SEKTOR PERKHIDMATAN YANG TELAH DIBEKUKAN SEJAK 2009

Pada **8 Ogos 2019**, Kerajaan telah memutuskan untuk menutup pengajian pekerja asing di bawah sub sektor perkhidmatan yang telah dibekukan sejak 2009 iaitu;

- i. Perkhidmatan dobi;
  - ii. Perkhidmatan gunting rambut (tukang gunting);
  - iii. Perkhidmatan tekstil; dan
  - iv. Tukang emas.
2. Walaupun sektor-sektor ini telah dibekukan sejak 2009, Kerajaan masih membenarkan pengambilan pekerja asing melalui kaedah permohonan penggantian iaitu majikan dibenarkan memohon kuota penggantian bagi pekerja asing sedia ada yang pulang ke negara asal setelah tamat perkhidmatan dengan majikan.
3. Keputusan Kerajaan pada 2019 tersebut akan dilaksanakan seperti berikut:
- 3.1 Pengambilan pekerja asing dalam sektor-sektor ini **tidak lagi dibenarkan** dan permohonan kuota **penggantian** akan **dihentikan** sepenuhnya pada **1 Januari 2021**;

- 3.2 Majikan boleh mengemukakan tuntutan balik bayaran levi di *One Stop Centre* Kementerian Dalam Negeri bagi kuota penggantian yang tidak digunakan; dan
  - 3.3 Semua Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) pekerja asing sedia ada bagi sektor-sektor ini akan **ditamatkan** secara berperingkat. Tarikh terakhir dibenarkan untuk pelanjutan PLKS adalah pada **31 Disember 2022** dan tiada sebarang pelanjutan PLKS akan diberikan bermula 1 Januari 2023 walaupun tempoh pengajian pekerja asing belum mencapai 10 tahun. Majikan perlu menyelesaikan urusan penghantaran pulang semua pekerja asing sebelum PLKS tamat pada tahun 2023.
4. Keputusan ini dibuat setelah kajian terperinci dijalankan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengenai impak dan kesan pengajian pekerja asing dalam sektor-sektor ini meliputi aspek ekonomi, kadar kenaikan gaji, keselamatan dan ketenteraman awam serta impak kepada sektor perniagaan secara keseluruhan. Kerajaan menggalakkan majikan untuk mengutamakan pengajian pekerja tempatan khususnya bagi mereka yang kehilangan pekerjaan akibat daripada penularan wabak Covid-19 ini.

Sekian, terima kasih.

## **BAHAGIAN PENGURUSAN PEKERJA ASING KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**25 November 2020**